


Headline	Dua segmen baru dalam program Apa Kata Wfanita di TV1		
Date	02. May 2009	Language	MALAY
Media Title	Berita Harian	Page No	31
Section	Supplement	Article Size	192 cm2
Circulation	192917	Frequency	Daily
Readership	1521000	Color	One Spot Color
		AdValue	3115.31



Dua segmen baru dalam program **Apa Kata Wanita** di TV1

PROGRAM bual-bicara *Apa Kata Wanita Bersama Zamzarina* di TV1 kini terus diperkembangkan kandungannya dengan menampilkan segmen baru iaitu *Bekerja Dari Rumah dan Tips 3K - Kejayaan, Kekayaan dan Kebahagiaan*.
Ini sebagai sisipan kepada segmen sedia ada iaitu *Personaliti Wanita, Alahai Khatijah dan Demonstrasi*. Program *Apa Kata Wanita* yang sebelum ini bersiaran secara langsung setiap Jumaat pukul 9.30 malam, tetapi bermula Mei siarannya ditukar pada Ahad jam 10 pagi di TV1.
Menurut Zamzarina Zambri

yang bertindak sebagai pengacara dan penerbit bersama rancangan ini, *Apa Kata Wanita* kini semakin mendapat tempat di hati penonton TV1, kerana corak persembahannya yang lebih padat dengan gabungan kesemua segmen penuh bermanfaat dalam tempoh satu jam.
Selaras dengan objektif *Apa Kata Wanita* untuk berkongsi lebih banyak maklumat berguna yang boleh dimanfaatkan oleh kaum wanita terutama dalam suasana ketidaktentuan ekonomi, segmen *Bekerja Dari Rumah* di harap sebagai perangsang untuk kaum wanita memulakan

perniagaan dan perkhidmatan biarpun hanya dari rumah.
"Segmen ini menampilkan wanita yang membuahkan hasil melalui pekerjaan yang dilakukan dari rumah. Dengan kemajuan teknologi, sebenarnya begitu banyak pilihan kerjaya atau memulakan perniagaan dan perkhidmatan dari rumah.
"Malah capaian pelanggan tidak terhad di sekeliling rumah saja, malahan sasaran pasaran mereka kini ke peringkat global! *Bekerja Dari Rumah* bukan lagi sekadar membuat nasi lemak dan kuih muih saja," kata Zamzarina.
Manakala segmen *Tips 3K - Kejayaan, Kekayaan dan*



Zamzarina Zambri

Kebahagiaan mendapat kerjasama penuh daripada *Wanita Waja (The Iron Lady)*, Datuk Maznah Hamid akan berkongsi inspirasi beliau pada setiap minggu.

Melalui *Tips 3K* oleh Maznah di harap dapat membakar semangat wanita untuk menjadi usahawan yang ampuh dan cekal dalam dunia persaingan yang tidak kenal kawan dan lawan.
Memetik sedikit ungkapan *Wanita Waja* itu: "Berniaga ibarat berada dalam medan peperangan. Hanya yang kuat berjaya, yang lemah pasti menemui kekalahan".
Program Apa Kata Wanita memulakan edisi sulungnya pada 2 Januari lalu sehingga kini telah menampilkan tokoh wanita berjaya dalam pelbagai bidang sebagai tetamu personaliti wanita jemputan pada seti-

ap minggu.
Antaranya Budayawan Negara, Azah Aziz; *Wanita Waja* Datuk Maznah Hamid; Naib Canselor UPSI, Dato' Dr Aminah Ayob; Penerbit dan Pengarah Filem, Datin Paduka Suhaimi Baba; Aktivistik HIV/Aids, Datin Paduka Marina Mahathir; Primadona Filem Melayu, Datuk Sarimah Ahmad dan ramai lagi.
Penonton, terutama kaum wanita yang bekerja dari rumah dan mahu berkongsi pengalaman serta kejayaan boleh hubungi Sekretariat *Apa Kata Wanita* di talian 03-2288 7011 atau email kepada zamzarina@apakatawanita.com.